

## **ABSTRAK**

Tajuk Disertasi ini : “Ayat-Ayat Kemasyarakatan Dalam Surah al-Nisā’; Tumpuan Kepada Pembinaan Keluarga Islam”. Disertasi, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 2003/2004. Adalah bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan peradaban umat manusia. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran, serta untuk memberikan sumbangan dalam menyelesaikan persoalan berkenaan permasalahan yang mencakupi aspek kekeluargaan dan sosial yang melanda masyarakat masakini. Disertasi ini telah dibahagikan kepada lima bab utama dalam bentuk kajian Perpustakaan . Penulis telah mengabadikan isi-isi utama terlebih dahulu untuk dibahaskan . Perkara utama yang difokuskan oleh penulis ialah pemantauan terhadap ayat-ayat dalam Surah al-Nisā’ yang menyentuh tentang kemasyarakatan. Untuk menjadi muslim yang terbaik, memerlukan kepada pengetahuan dan maklumat bagaimana untuk bermasyarakat. Suatu ikatan yang perlu dihubungkan dengan erat ialah hubungan antara individu dengan Allah, antara individu dengan masyarakat sekeliling seperti ibu bapa, anak-anak yatim, kaum kerabat, jiran, sahabat handai, orang musafir, hamba sahaya, pekerja dan sebagainya . Setiap muslim perlu menjaga disiplin dan adab sopan yang digariskan oleh al-Quran apabila berhubung dan berkomunikasi dengan Allah sebagai pencipta alam semesta dan anggota masyarakat sebagai warga dunia yang berada di sekeliling. Setiap insan pula dilahirkan dari sebuah kelompok keluarga yang merupakan antara kompenan-kompenan kecil daripada masyarakat . Untuk membentuk dan membina keluarga yang harmoni, perlu kepada ilmu yang mendalam dalam agama Islam supaya keluarga yang dibina adalah bercirikan Islam, yang bermula dari perkahwinan yang sempurna. Pemilihan bakal isteri dan bakal suami adalah penting untuk mendidik anak-anak yang cemerlang dunia dan akhirat. Gejala sosial yang semakin meruncing di kalangan para remaja begitu merisaukan, kerana mereka lahir generasi dan pewaris untuk memimpin dan membina negara yang sejahtera dan harmoni serta disegani di mata dunia. Situasi seperti ini perlu diberi perhatian khusus oleh anggota masyarakat tentang bagaimana untuk membendung pelbagai isu dan masalah yang boleh merosakkan umat manusia samada dari sudut mental, moral, fizikal dan material. Oleh kerana itu, membentuk keluarga yang bercirikan keislaman dan berlandaskan al-Quran adalah sebagai suatu cara membina masyarakat yang berwibawa dan negara yang sejahtera. Setiap lapisan masyarakat perlu mengambil iktibar dan peka terhadap peristiwa yang telah berlaku untuk bertindak dengan bijaksana supaya warga dunia yang akan datang adalah warga yang cemerlang dunia dan akhirat .

## **ABSTRACT**

This Dissertation entitled: "Societal verses in Surah al-Nisā": Focus on Reconstructing the Islamic Family Model". Dissertation, Usuluddin Studies Division, Islamic Studies Academy, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 2003/2004. Its objective is to find out the solutions on the problems of human civilisations. It is also tend to enlighten the society, and give them self-awareness to cater the issues involving family and social problem which bother the society nowadays. This Dissertation has been divided into five main chapters in literature review concept; at the beginning the writer has open to debate few main points. Among the main points to be discussed by the writer is observations on the verses in surah al-Nisā', which touched on the society. The knowledge on effective interaction and living in society is vital to become a good Muslim. A tight affiliation and bond should be established between an individual and Allah, between an individual and society around him e.g. parents, orphans, close family, neighbours, friends, travellers, slaves, employees and etc. Every Muslims need to take care of their disciplines and manners as outlined by al-Quran, when they communicate with Allah as the creator of the universe and as an individual whose lived in this world. Every individual is born from a family which form a small part of a society. An Islamic religious knowledge is needed in order to construct and create a noble family based on the Islamic style, started from the perfect marriage, screening and selecting future wife and husband is vital to generate ideal and magnificent children both in this world and hereafter. The incidence of social problems among adolescence is in critical stage, because they are considered as the future leaders to lead and administer our country to be respectable in the eyes of the world. This situation need to be given a special attention and care from the society on how to overcome multiple issues and problems, which may ruin and mess up the human community from various aspect like intellectual, moral, physical and material aspects. Therefore, to form a family with Islamic base and founded on al-Quran origin is the way to create a righteous society and peaceful country. Each individual required to follow the good examples, to learn and responsive from previous crisis to act wisely in future, so then the next generation is the great generation both in this world and hereafter.